



Dr M bantu kempen di Kedah

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad akan berkempen untuk calon Barisan Nasional (BN) di kawasan parti lawan di Kedah yang dikatakan berpeluang dimenangi.

Katanya, beliau yang diminta oleh Umno dan BN menjadi penasihat di Kedah, akan membantu dengan menjelaskan perjuangan parti walaupun sudah bersara sebagai Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditemubual www.pilihanraya.cc di pejabatnya di Putrajaya hari ini.

"Saya cuma mahu menjelaskan perkara yang betul, menangkis fitnah yang tidak berasas dan benda yang tidak baik," katanya dalam satu kenyataan yang memetik wawancara khas 20 minit yang disiarkan secara video streaming ke seluruh dunia menerusi lamanweb itu.

Mengenai peluang BN di Kelantan, Dr Mahathir berkata rakyat menyokong Umno tetapi Umno negeri mempunyai masalah sendiri iaitu sukar membantu calon mereka.

Katanya, budaya membantu calon lain yang dipilih telah subur disemai di negeri lain kecuali Kelantan.

"Kelantan susah sikit. Saya jadi Ketua Perhubungan Umno Kelantan 10 tahun. Dalam dua pilihan raya, saya amat susah menukar sikap dan budaya ini.

"Setiap kali pilihan raya mesti ada muka baru. Kalau setiap kali orang itu saja, dan ada pula yang hendak bertanding sampai mati, nanti orang bosan," katanya.

Ditanya mengenai sentimen di Kedah, negeri yang mahu dirampas oleh Pas, Dr Mahathir berkata, Umno dan BN di Kedah cukup kuat kerana perpecahan dahulu telah berkurangan.

Selain itu, beliau mengingatkan calon baru yang akan bertanding supaya rajin turun ke padang dan mengambil berat mengenai rakyat di kawasan mereka.

Beliau juga yakin Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak akan menghadapi masalah memimpin jentera pilihan raya BN.

Mengenai penggunaan teknologi terkini seperti khidmat pesanan ringkas (SMS) dan Internet untuk berkempen, Dr Mahathir berkata, rakyat berupaya menggunakan teknologi terkini untuk tujuan berkenaan.

Mereka yang bertanggungjawab akan menggunakannya untuk kebaikan dan akan ada juga mereka yang menggunakan teknologi untuk tujuan tidak baik, katanya.

Bernama